

Headline **SMK Convent Alor Setar Gondol Tiga Kejayaan**  
Date **11 May 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Pendidikan**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **4**  
Article Size **505 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **10,712**  
PRValue **32,136**



# SMK Convent Alor Setar Gondol Tiga Kejayaan

**SANI SHAMSUDIN**

**S**ekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent, Alor Setar mempamerkan kehebatannya tersendiri apabila meraih tiga anugerah pada majlis penganugerahan Jabatan Pelajaran Negeri Kedah tahun lalu.

Sekolah yang ditubuhkan pada 6 Februari 1934 itu pernah menjadi tempat belajar tokoh penting negara termasuk Raja Permaisuri Agong, Permaisuri Nur Zahirah; Presiden Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail dan bekas Presiden Yayasan Aids Malaysia, Datin Marina Tun Dr Mahathir.

Sekolah yang menempatkan semua pelajar perempuan itu turut menjadi contoh kepada sekolah lain berikutan tahap disiplin pelajarannya yang tinggi dan pencapaian akademik cemerlang.

Tahun lalu, SMK Convent menggondol tiga anugerah iaitu Anugerah Sekolah Cemerlang, Kementerian Pelajaran Malaysia (Kategori Bandar); Anugerah Pusat Sumber Sekolah, Peringkat Kebangsaan (Kategori Bandar) dan Anugerah Sekolah Kualiti (Kategori Bandar).

Sekolah berusia 76 tahun itu mempunyai Pusat Sumber Sekolah (PSS) yang terbaik dari segi kelengkapan dan kemudahan, membolehkan pelajar memana-faatkannya untuk membuat rujukan, ulang kaji pelajaran dan membaca.

Guru Perpustakaan Media Sekolah itu, Puan Zuridah Hanim Md Akar, 33, berkata kejayaan PSS sekolah itu muncul johan Pusat Sumber Sekolah adalah hasil gandibahu semua warga sekolah menceriaikan pusat berkenaan.

Katanya, prestasi cemerlang akademik yang ditunjukkan pelajar mem-

bolehkan sekolah menerima Anugerah Sekolah Cemerlang Kementerian Pelajaran.

"Pencapaian akademik pelajar meningkat setiap tahun. Bagi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2008, seorang pelajar memperoleh 9A, 22 orang (8A) dan sembilan pelajar (7A) manakala bagi Sijil Pelajaran Malaysia, tiga orang pelajarinya mendapat 10A, tujuh orang (9A) dan dua orang (8A),"katanya.

SMK Convent juga turut mendapat Anugerah Sekolah Kualiti kerana melahirkan tokoh yang berjasa kepada negara dan menjadi idola pada masyarakat.

"Saya dan semua pengawas pusat sumber sekolah kami akan bekerjasama membaiki semua kelemahan kami dan berusaha mengekalkan semua kelebihan yang kami ada," kata Puan Zuridah.

Kecemerlangan sekolah itu bukan hanya dalam bidang akademik, malah kokurikulum. Hal ini dibuktikan dengan kejayaan yang pernah diraih pelajarinya hingga peringkat antarabangsa.

Pengetuannya, Puan Zaini Kamaruddin, berkata semua anugerah yang dicapai itu bukan usahanya seorang tetapi kesepakatan semua guru dan kakitangan yang berpengalaman di sekolah itu.

Beliau berharap, kejayaan yang dicapai itu dapat dikekalkan pada masa akan datang sekali gus unggul melahirkan pemimpin yang berjaya.

**“ Prestasi cemerlang akademik yang ditunjukkan pelajar membolehkan sekolah menerima Anugerah Sekolah Cemerlang Kementerian Pelajaran”**

*Puan Zuridah Hanim Md Akar  
Guru Perpustakaan SMK  
Convent, Alor Setar*



Pelajar SMK Convent bergambar selepas menyertai aktiviti kokurikulum.




Pengetua SMK Convent Alor Setar, Puan Zaini menerima anugerah sekolah cemerlang daripada Timbalan Menteri Pelajaran Dr Mohd Puad Zarkasi.

Headline **SMK Convent Alor Setar Gondol Tiga Kejayaan**  
Date **11 May 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Pendidikan**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **4**  
Article Size **505 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **10,712**  
PRValue **32,136**



**Puan Zaini menanam pokok di pekarangan sekolah sempena hari hijau.**



**Pelbagai bahan rujukan terdapat di PSS SMK Convent Alor Setar.**